

## **SEJARAH PERJUDIAN DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

*History of Gambling in North Borneo (1881-1941)*

**ANDREY JAMES**

*Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Kota Kinabalu, Sabah*

*E-mel: andrey.j1008@gmail.com*

*Tarikh Dihantar: Oktober 2020 / Tarikh Diterima: November 2020*

### **Abstrak**

Borneo Utara berada di bawah pentadbiran Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara British (SBBUB) dari awal 1881 hingga 1941. Pentadbiran SBBUB melaksanakan pelbagai dasar untuk memastikan pemerintahan politik Borneo Utara lancar dan teratur. Antara langkah yang diambil oleh SBBUB adalah dengan membawa masuk buruh Cina dan Jawa. Namun, buruh asing menyebabkan berlakunya kegiatan perjudian sebagai aktiviti sosial baru di Borneo Utara. Objektif makalah ini adalah untuk menganalisis aktiviti perjudian di Borneo Utara semasa pentadbiran SBBUB. Sumber primer digunakan dalam perbincangan terutamanya sumber dokumen pentadbiran kolonial dan juga laporan tahunan kerajaan. Sumber sekunder seperti buku dan jurnal juga dirujuk untuk mengukuhkan analisis perbincangan. Dapatan kajian makalah ini ialah imigran Cina berperanan sebagai pengusaha pusat perjudian di kebanyakan ladang pertanian di Borneo Utara. Manakala imigran Jawa pula sebagai pelanggan kepada pusat-perjudian berkenaan. Aktiviti perjudian semakin berkembang apabila pihak SBBUB mengeluarkan lesen perjudian dan mewujudkan ruangan pusat perjudian yang berdaftar.

**Kata kunci:** Dasar Perjudian, BNBC, estet, buruh dan masyarakat tempatan.

### **Abstract**

*North Borneo was under the British North Borneo (Chartered) Company (BNBCC) administration from early 1881 to 1941. The BNBCC administration implemented various policies to ensure the smooth and orderly political governance of North Borneo. Among the steps taken by BNBCC is to bring in Chinese and Javanese manpower. But foreign workers are causing gambling activities as a new social activity in North Borneo. The objective of this paper is to analyze gambling activities in North Borneo during the BNBCC administration. Primary sources are used in discussions especially sources of colonial administrative documents*

*as well as annual government reports. Secondary sources such as books and journals are also referred to to strengthen discussion analysis. The findings of this paper are that Chinese immigrants serve as operators of gambling centers in most agricultural estets in North Borneo. Meanwhile, Javanese immigrants are customers of the gambling centers. Gambling activities are growing when BNBC issues gambling licenses and creates a registered gambling center space.*

**Keywords:** *Gambling Policies, BNBC, estate, labor, local communities.*

## PENDAHULUAN

Borneo Utara sebelum kedatangan kuasa imperialis merupakan sebuah wilayah yang mundur dalam pelbagai aspek dan tidak memperlihatkan ciri-ciri sesebuah ketamadunan yang kukuh. Pandangan dunia penjajah melihat Borneo Utara sebagai satu sahutan untuk mereka memanfaatkan kekayaan yang dimiliki oleh wilayah ini, disamping menyebarkan ideologi pemikiran dan budaya mereka ke atas penduduk tempatan. Maka, sebagai sebuah kuasa imperialis dunia, British telah memulakan jejaknya ke atas Borneo Utara menerusi *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) dan kemudiannya *British Crown Colony* (BCC) bagi mencapai motif utama mereka iaitu mengumpulkan kekayaan, tanah jajahan dan menyebarkan ideologi barat dengan mempengaruhi mentaliti masyarakat bahawa apa yang diamalkan oleh Barat juga harus diamalkan oleh penduduk tempatan dalam tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Dalam pada itu, Syarikat Berpiagam Borneo Utara (BNBCC) menduduki Borneo Utara selepas kerajaan Sulu menyerahkan wilayahnya. BNBC mula mentadbir wilayah ini pada tahun 1881 dan berakhir pada tahun 1941 yang mana pada waktunya bermulanya pendudukan kuasa Jepun di Borneo Utara.

Semasa pemerintahan BNBC, wilayah Borneo Utara merupakan kawasan pertembungan budaya dari seluruh dunia. Ketika pemerintahan BNBC terdapat satu kegiatan yang telah mulai meningkat dan berkembang semasa mereka memerintah di Borneo Utara. Kegiatan itu adalah di kenali sebagai kegiatan perjudian, kegiatan ini juga memang sedia wujud di kalangan masyarakat tempatan sebelum kedatangan BNBC. Kegiatan perjudian yang dijalankan ini adalah salah satu tarikan utama di kalangan masyarakat tempatan di Borneo Utara. Penduduk peribumi gemar menjalankan aktiviti yang berunsurkan perjudian secara kecil-kecilan sahaja. Aktiviti laga ayam merupakan antara kegiatan yang biasa British, kegiatan perjudian telah diperkembangkan dan telah beroperasi secara sah. Dasar yang telah dilaksanakan Syarikat di Borneo Utara itu telah menjadikan pusat kegiatan perjudian meningkat dan semakin bertambah. Borneo Utara dalam tempoh berkenaan menjadi terkenal sebagai

pusat perjudian dan diikuti dengan kegiatan pelacuran dan pengedaran opium. Perkembangan perjudian ini telah sedikit sebanyak membantu BNBC untuk mendapatkan pendapatan dan seterusnya mengukuhkan ekonomi syarikat tersebut di Borneo Utara. Selain itu, kegiatan perjudian yang semakin rancak dijalankan ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial akibat daripada aktiviti perjudian ini. Walaupun BNBC memperoleh kesan positif daripada kegiatan perjudian ini, namun impak yang negatif telah diterima komuniti Borneo Utara sehingga membawa kepada wujudnya penentangan terhadap pengeluaran lesen oleh pihak BNBC kepada pengusaha-pengusaha perjudian.

## HASIL PERBINCANGAN

Kegiatan perjudian yang dilakukan di Borneo Utara sebenarnya merupakan salah satu daripada tindakan BNBC yang mengimplementasi kuasa dan pengaruh mereka dalam setiap aspek di Borneo Utara. Pelbagai dasar telah diaplikasi bagi menjadikan kegiatan perjudian yang dijalankan di Borneo Utara mendapat tempat dan perhatian oleh masyarakat atau komuniti di Borneo Utara. BNBC bermula dengan mengalakkan para pemegang tender mengadakan kegiatan perjudian di ladang-ladang, mengeluarkan lesen atau permit pemegang tender rasmi sehingga kepada mengadakan kegiatan perjudian yang sah di sisi undang-undang, BNBC mempunyai agendanya yang tersendiri sehingga mana-mana kegiatan perjudian itu merupakan sumber hasil pendapatan terawal yang diperoleh BNBC selain daripada konsesi ekonomi yang lain.<sup>1</sup> Seperti yang sedia maklum, kegiatan perjudian sudah lama bertapak di Borneo Utara dalam kalangan masyarakat tempatan.

Selain menjalankan aktiviti harian seperti mengukir ukiran tradisional dinyatakan bahawa aktiviti kegemaran masyarakat tempatan termasuk '*Mohammedan*' atau masyarakat yang beragama Islam adalah berjudi sehinggakan disebut '*King of Indoor Pastimes*'<sup>2</sup> dalam kalangan masyarakat di Borneo Utara. Masyarakat tempatan mempunyai kegemaran yang sama dalam aktiviti yang melibatkan unsur perjudian. Masyarakat Bajau, Illanum dan Sulu merupakan komuniti atau penduduk peribumi di Borneo Utara adalah antara masyarakat yang paling gemar berjudi. Hal ini dapat dijelaskan menerusi gelaran mereka yang disebut sebagai '*are born gamblers*' atau dalam bahasa melayu di sebut sebagai 'dilahirkan sebagai penjudi'.<sup>3</sup> Golongan ini turut dilabel sebagai pengunjung tetap pusat-pusat perjudian di selain daripada buruh Jawa dan Cina.

## **Dasar BNBC**

Perkembangan kegiatan perjudian di Borneo Utara mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan situasi pentadbiran yang dilaksanakan oleh BNBC. Keadaan sedemikian secara tidak langsung memperlihatkan bahawa golongan masyarakat di wilayah terbabit khususnya golongan masyarakat buruh telah dipengaruhi oleh perkembangan tersebut yang mana berlaku sekitar tahun 1881 sehingga 1941. Pihak BNBC berupaya untuk mengalakkan kegiatan perjudian ini semakin berleluasa dan hasilnya BNBC dapat menjana pendapatan hasil daripada kegiatan ini. Pengenalan kepada dasar ini di Borneo Utara adalah untuk melicinkan dan memantapkan lagi keberkesanan pentadbiran dan penyeliaan BNBC di Borneo Utara.

Di awal pentadbiran BNBC, pusat pentadbiran tertumpu di bahagian pantai timur iaitu ibu negeri pertama iaitu Sandakan. Sandakan merupakan kapital pertama yang awal dibangunkan semasa di bawah pemerintahan William B. Pryer pada tahun 1883.<sup>4</sup> Kepesatan bandar dan pelabuhan di Kapital Sandakan menyebabkan BNBC berupaya untuk memperoleh pendapatan melalui pemberian konsesi monopolii ekonomi kepada golongan individu tertentu ataupun firma-firma dalam bentuk perkhidmatan mahupun komoditi. Dalam pada itu, antara yang dimaksudkan adalah seperti pengendalian ladang arak, ladang candu, kawasan perjudian dan kedai pajak gadai yang kebanyakannya diusahakan oleh golongan imigran Cina.<sup>5</sup> Kebanyakkan dari golongan ini telah membawa masuk budaya sosio-ekonomi yang diamalkan di negara asal mereka dan mula menerapkannya di Borneo Utara. Golongan itu, terutamanya adalah dari kalangan taukeh cina yang menjalankan perdagangan dan perniagaan yang melibatkan judi, arak dan candu.<sup>6</sup>

Oleh hal yang demikian, BNBC telah mengambil kesempatan atas kegiatan perniagaan tersebut untuk dikenakan cukai dan bayaran tender tahunan melalui skop seperti pengoperasian stor penjualan barang pelbagai, kedai-kedai pajak gadai, rumah-rumah judi dan candu.<sup>7</sup> Kapital Sandakan merupakan kawasan yang mempunyai paling banyak ladang-ladang perjudian jika dibandingkan dengan kawasan lain seperti Jesselton di Pantai Barat. Jalan batu 8 antara pusat kegiatan perjudian yang pesat dan sering dikunjungi oleh para buruh dan kakitangan BNBC sendiri untuk menjalankan aktiviti perjudian. Di kawasan ini juga menempatkan rumah pelacuran, kedai menjual arak dan kedai pajak yang terletak hanya beberapa blok di seberang jalan bagi memudahkan para pengunjung untuk datang berkunjung.<sup>8</sup> Selain itu, kawasan itu juga dijadikan tumpuan untuk pelbagai aktiviti sosial di satu tempat yang sama selain daripada yang disediakan dalam setiap estet untuk keperluan para penduduknya.

## Migrasi

Pelbagai dasar yang cuba diketengahkan oleh BNBC dalam melancarkan sistem pentadbirannya di Borneo Utara lebih-lebih lagi aspek yang melibatkan pendapatan dan keuntungan. Salah satunya adalah dasar migrasi yang dijalankan semasa era pemerintahan BNBC di Borneo Utara.<sup>9</sup> Dasar Migrasi ini dilihat sebagai salah satu faktor yang mendorong kepada perkembangan aktiviti perjudian di Borneo Utara. Sejak pentadbiran diambil alih oleh pihak BNBC, mereka mula membawa kemasukan golongan masyarakat Cina sebagai buruh utama dan orang Jawa sebagai buruh kedua penting untuk mengendalikan kegiatan-kegiatan ekonomi di Borneo Utara. Hal ini dapat dijelaskan menerusi aspek imigrasi Cina dari negara China ke Borneo Utara untuk memenuhi keperluan Buruh. Dalam pada itu, ini adalah sama seperti buruh-buruh kontrak yang didatangkan khas daripada Jawa bagi tujuan yang sama.

Perkembangan ekonomi di Borneo Utara yang semakin pesat membangun telah menyebabkan kemasukan para buruh asing yang semakin ramai seperti yang telah dinyatakan iaitu Cina, Jawa orang Eropah dan sebagainya. Kemasukan mereka ini adalah bertujuan mengisi kekosongan peluang pekerjaan dalam bidang ekonomi yang semakin bertambah di Borneo Utara. Orang Cina merupakan antara buruh kasar yang masuk ke Borneo Utara pada satu skala yang besar dan kemasukan mereka telah berjaya memberi sumbangan yang besar terhadap pendapatan negeri.<sup>10</sup> Kedatangan golongan ini turut dikaitkan dengan perusahaan candu di Borneo Utara sejak abad ke-19 lagi dan secara tidak langsung keadaan tersebut turut mengaitkan golongan Cina ini dengan kegiatan perjudian. Menurut banci yang berdata lengkap pada tahun 1921, buruh Cina merupakan golongan terbanyak di kawasan ladang iaitu seramai 36.9 peratus, buruh Jawa mencatatkan seramai 33.8 peratus, manakala penduduk peribumi hanya berjumlah 23.35 peratus.<sup>11</sup>

Majoriti masyarakat di Borneo Utara yang terdiri daripada golongan Cina ini telah di bawa masuk melalui tiga cara yang berbeza. Cara yang pertama adalah dengan membawa masuk para buruh cina melalui penggalakkan imigrasi oleh Sir Walter Medhurst sejak tahun 1882 yang mana beliau telah berkunjung ke negara China untuk menyeru dan menggalakkan masyarakat Cina berhijrah ke Borneo Utara untuk mendapatkan peluang pekerjaan di samping memperoleh kehidupan yang baharu.<sup>12</sup> Hal ini juga dapat dilihat sekurang-kurangnya 1,000 orang imigran Cina diletakkan di bawah tajaan Syarikat untuk berhijrah ke Borneo Utara<sup>13</sup> dan kebanyakkan dari mereka ini berdialek Kantonis serta menetap di kawasan sekitar Kudat dan Sandakan.<sup>14</sup>

Cara kedua pula yang digunakan ialah melalui Skema Persatuan Mubaligh Basel yang dianjurkan antara tahun 1905 hingga 1914 yang mana lebih bersifat operasi gereja. Operasi ini bertujuan untuk membawa imigrasi buruh Cina yang berdialek Hakka dan beragama Kristian untuk berhijrah ke Borneo Utara. Golongan ini kebanyakannya golongan imigran yang berasal daripada wilayah bahagian Guang Dong di negara China seperti Meixian, Wuhua, Longhuan, Zijin, Dongguan, Huizhou Xingning, Huaxian, Baoan dan Qingyuan.<sup>15</sup> Majoriti bangsa-bangsa ini yang dibawa masuk ke Borneo Utara telah ditempatkan di sekitar kawasan Inanam, Menggatal, Telipok, Tuaran, Pinangsoo, Tamalang Bamboo, Buk-buk dan Penampang.<sup>16</sup> Golongan-golongan inilah yang dikatakan antara pemegang kecil ladang getah di Borneo Utara. Masyarakat Cina yang masuk ke Borneo Utara menerusi cara ini kebanyakannya membawa misi yang tersendiri. Misi gereja atau keperluan terhadap golongan ini selain daripada buruh di Borneo Utara, mereka juga berkepentingan dalam misi agama mereka dengan menyandang jawatan sebagai mubaligh-mubaligh Kristian untuk menyebarluaskan pengaruh Kristian di Borneo Utara.

Cara yang ketiga pula adalah berdasarkan Skema Kebenaran bergerak bebas ataupun dikenali sebagai '*Free Passage*'<sup>17</sup> yang dijalankan antara tahun 1921 hingga 1941. Cara ini sebenarnya dilakukan dengan pemberian surat perjanjian oleh pihak Pegawai Daerah kepada golongan imigran Cina di Sabah kemudiannya mereka akan mengirim kembali surat berkenaan kepada ahli keluarga ataupun saudara-mara mereka di negara asal untuk membenarkan mereka datang ke Borneo Utara dengan bayaran perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak BNBC.<sup>18</sup> Kemasukan para imigran Cina melalui cara ini telah memberi perubahan drastik ke atas jumlah populasi di Borneo Utara yang mana menurut Banci 1921, didapati buruh ladang terdiri daripada majoritinya adalah buruh Cina yang meliputi 36.9% daripada keseluruhan jumlah penduduk di Borneo Utara.<sup>19</sup> 4,793 orang boleh berdialek Kantonis dan selebihnya adalah Hakka. Hal ini seterusnya telah memberi gambaran yang jelas akan dasar migrasi yang dijalankan BNBC bagi membawa kemasukan para buruh terutamanya dari negara China untuk mengerakkan sektor ekonomi di Borneo Utara terutamanya sebagai pengusaha pusat perjudian di samping membuka kedai pajak gadai dan menjual candu serta arak.<sup>20</sup>

## Buruh

Di antara tahun 1881 sehingga 1920, hampir 90% daripada imigran Cina yang tiba di Borneo Utara diberi tugas sebagai buruh upahan BNBC untuk bekerja di estet-estet tembakau, ladang getah, membina jalan raya serta telegraf,<sup>21</sup> mereka melakukan pekerjaan ini bersama-sama buruh kontrak yang dibawa masuk dari Jawa, Indonesia.<sup>22</sup> BNBC membawa masuk imigran Cina lebih ramai berbanding

dengan imigran yang lain seperti orang Jawa, hal ini kerana dikatakan buruh dari golongan ini lebih rajin dan merupakan pekerja yang baik serta lebih mudah diperoleh. Keadaan ini dapat dijelaskan menerusi perkembangan perusahaan tembakau yang telah meningkat pada tahun 1890.<sup>23</sup>

Para buruh yang ditempatkan di estet atau ladang-ladang pertanian perlu menjalankan kegiatan atau pekerjaan seperti yang termaktub dalam kontrak yang telah mereka persetujui. Dalam kontrak yang disebut sebagai '*The Dutch Perfect*' telah menyatakan bahawa para buruh perlu bekerja pada masa dan tempat yang telah ditetapkan.<sup>24</sup> Berdasarkan pernyataan tersebut dapat diandaikan bahawa selepas tamat waktu bekerja para buruh mempunyai masa yang terluang untuk menjalankan aktiviti peribadi. Namun, hal yang berlaku adalah sebaliknya kerana para buruh telah dikenakan kawalan disiplin. Masa lapang yang diperoleh para buruh telah dihadkan bagi memberi kawalan kepada kehidupan sosial mereka di dalam estet.

Para buruh yang terikat dengan kontrak tidak dibenarkan keluar daripada ladang tanpa kebenaran daripada majikan, lebih-lebih lagi pada waktu bekerja. Mereka juga dilarang untuk meninggalkan kawasan ladang walaupun setelah tamat waktu bekerja.<sup>25</sup> Peraturan ini telah bertahan sehingga tahun 1920an, setelah itu para buruh sudah mula dibenarkan keluar daripada kawasan ladang selepas selesai waktu bekerja dengan memberi notis pemberitahuan kepada ofis estet yang berkenaan.<sup>26</sup> Dalam pada itu, peraturan yang telah dibuat oleh majikan terhadap para buruh berkenaan dengan kebenaran untuk keluar daripada estet adalah, untuk mengawal kegiatan para buruh dan mengelakkan mereka daripada mengetahui kadar gaji yang ditawarkan dikawasan estet-estet yang lain. Hal ini demikian kerana, di kebanyakkannya estet, para buruh dijanjikan dengan bayaran yang telah dikatakan seperti di dalam kontrak mereka tetapi sebenarnya gaji yang mereka bayar adalah lebih rendah.

Selain itu, para buruh ini juga adalah dilarang untuk keluar daripada estet tanpa pengetahuan dan notis kepada pihak majikan. Ia bertujuan bagi mengelakkan mereka membuat sebarang jenis laporan kepada pihak berkuasa. Jabatan Protektorat telah merekodkan hal sedemikian pada awal tahun 1914 yang mana menyaksikan para buruh paksa golongan masyarakat Jawa di estet Lingkungan berarak ke Beaufort untuk membuat laporan terhadap pengurus mereka. Perarakan mogok ini dijalankan akibat ketidakpuasan hati dalam kalangan para buruh yang merasakan seperti diperkotak-katikkan oleh pihak pengurusan di tempat mereka bekerja. Namun, perarakan tersebut ditumpaskan oleh pihak berkuasa.<sup>27</sup>

Kebanyakan para buruh yang berkhidmat di ladang-ladang pertanian berusaha untuk meninggalkan estet mereka kerana kehidupan yang sangat teruk dan berbeza daripada apa yang telah dijanjikan pada awalnya. Namun begitu, usaha mereka itu mengalami kebuntuan apabila sekeliling kawasan estet tersebut dipagar dengan dawai berduri yang mana memustahilkan mereka untuk melepaskan diri. Selain itu, para buruh ini telah diletakkan di bawah kawalan yang ketat oleh para '*Pathans*' yang bertindak sebagai pengawal keselamatan di setiap estet. Golongan ini berperanan untuk mengawal dan memerhatikan jikalau ada buruh-buruh yang mencurigakan serta menangkap para buruh yang cuba melarikan diri. Buruh yang ditangkap oleh pengawal ini atas cubaan melarikan diri akan diberi ganjaran \$3 bagi setiap orang buruh seperti yang berlaku di estet Sapong dan Melalap.<sup>28</sup>

Seterusnya, estet-estet atau ladang-ladang pertanian yang menempatkan para buruh diberikan kemudahan seperti kedai runcit yang menjual barang keperluan harian dan juga bertindak sebagai kedai pajak seperti estet Langkon.<sup>29</sup> Kedai pajak gadai ini membawa peranan yang sangat penting dalam mewujudkan ikatan antara para buruh dengan estet berkenaan. Pihak pengurusan akan melakukan apa sahaja tindakan bagi memastikan para buruh tidak mendapatkan sijil tamat perkhidmatan mereka. Oleh hal yang demikian, pihak pengurusan mula mempraktikkan hubungan para buruh dengan hutang. Selepas tamat perkhidmatan kontrak selama dua atau tiga tahun, buruh-buruh berkenaan tidak mempunyai pilihan lain selain menandatangani kontrak baru akibat ikatan hutang yang dimiliki mereka. Hutang-hutang ini terbit daripada kegiatan seperti perjudian, pelacuran dan candu.<sup>30</sup> Selain itu, kewujudan pusat-pusat berbentuk hiburan seperti itu adalah bagi memastikan para buruh tidak perlu keluar daripada estet untuk mendapatkan perkara sedemikian pada masa lapang yang mana boleh diperoleh setelah penat bekerja sehari. Oleh itu, dapat digambarkan bagaimana dasar yang diambil oleh BNBC dalam memberi ruang dan peluang kepada para buruh untuk terjebak dalam kegiatan perjudian di Borneo Utara.

### **Kontrak dan Lesen Perjudian**

Pentadbiran BNBC pada awalnya agak goyah kerana kekurangan dana akibat perbelanjaan yang banyak ditanggung pihak syarikat untuk membentuk sistem pentadbiran yang lancar di Borneo Utara. Namun, semakin lama kedudukannya semakin kukuh dengan pelaksanaan pelbagai dasar ekonomi yang diketengahkan. Monopoli sektor ekonomi oleh BNBC dalam pelbagai bidang merupakan salah satu langkah yang diambil bagi memastikan pendapatan syarikat dapat dimiliki sepenuhnya. Dalam pada itu, antara dasar yang diambil oleh BNBC bagi memenuhi keperluan sektor ekonominya adalah dengan membenarkan aktiviti perjudian dijalankan secara sah di Borneo Utara.

Aktiviti perjudian yang dijalankan di Borneo Utara sebelumnya diadakan secara kecil-kecilan dan tertutup. Namun, kehadiran BNBC telah membuka ruang aktiviti perjudian untuk dimajukan dengan pesat dan berdaftar melalui ikatan kontrak dan bayaran tender yang ditetapkan oleh pihak pentadbir. Lesen berdaftar dikeluarkan oleh pihak BNBC bagi mengenal pasti dan membezakan rumah-rumah perjudian yang dijalankan sama ada sah ataupun tidak. Dalam pada itu, antara tujuan lain BNBC membenarkan kegiatan perjudian ini untuk dilakukan secara sah adalah untuk mendapatkan keuntungan<sup>31</sup> berdasarkan kontrak tender pusat perjudian yang hampir mencecah 22,000 sebulan dan sehingga 264,000 setahun.<sup>32</sup>

Kontrak yang ditawarkan oleh BNBC kepada para pengusaha pusat perjudian adalah selama setahun dan selepas tamat tempoh tersebut, pihak pengusaha perlu memperbaharui kontrak mereka bagi membolehkan mereka meneruskan perusahaan tersebut tanpa sebarang masalah dan halangan. Berdasarkan kontrak yang telah ditetapkan oleh pihak BNBC, para pengusaha perlu membayar \$60,000 sebagai deposit keselamatan dan sekuriti yang tidak termasuk dalam bayaran tender yang dikenakan.<sup>33</sup> Yuen Hin Ting dan Loh Poh Yuen merupakan penama yang dicatatkan dalam kontrak 1928 atas nama sebagai Sang Heng and Company dan Poste Restante di Sandakan, telah menandatangani kontrak yang dimaksudkan bersama-sama individu lain di sebelah Jesselton seperti Chuan Kee Chan and Company dan Tay Bee Yong Bros.<sup>34</sup>

Syarat-syarat yang dikenakan dalam setiap kontrak bagi kegiatan perjudian ini perlu dipatuhi oleh para pengusaha pusat-pusat perjudian yang memohon untuk mendapatkan tender dari BNBC. Dalam pada itu, antara syarat yang dikemukakan adalah berkenaan kadar faedah yang ditetapkan sekiranya pihak pengurusan tidak menjelaskan pembayaran sewa atau tender sama ada secara bulanan ataupun tahunan. Kadar faedah yang dikenakan bagi tempoh kelewatan pembayaran dari tarikh yang ditetapkan adalah sebanyak 12 peratus, selain daripada syarat lain yang mana, pengusaha tidak dibenarkan membuat pindaan terhadap kontrak yang ditandatangani tanpa persetujuan daripada Gabenor.<sup>35</sup> Kontrak bagi kegiatan perjudian ini pada awalnya hanya dibuka bagi tempoh setahun. Namun begitu, bermula pada tahun 1920-an, kontrak yang ditawarkan telah dibuka bagi tempoh setahun dan tiga tahun. Hal ini dapat dilihat menerusi surat pemberitahuan yang dihantar oleh pihak BNBC kepada para pemegang tender kegiatan perjudian dan kedai pajak gadai. Pihak Kerajaan BNBC turut menjemput dan mewar-warkan kepada para pengusaha untuk mengikat kontrak yang lebih panjang iaitu selama tiga tahun berbanding sebelumnya yang hanya dibenarkan untuk tempoh setahun.<sup>36</sup> Di bawah ini memperlihatkan tentang isi surat jemputan tersebut:

"I have the honour to forward you copy of notification and to ask you to accept this as a notification that tenders for the farm (a) 1923, (b) 1923-1925 are being invited by the Governor. I shall be obliged if you will circulate this info among the members of your chamber to whom if any be of interest"<sup>37</sup>

Kebanyakan rumah judi yang diusahakan penama di atas merupakan pusat judi tumpuan yang berada di kawasan bandar. Namun begitu, bagi kawasan estet yang mana para pelanggannya terdiri daripada kalangan buruh, pusat perjudian dibuka hampir di setiap estet di Borneo Utara. Estet Sapong, Papar dan Mawao antara estet yang mempunyai gelanggang judinya yang tersendiri, manakala bagi estet yang lain, kadang kala majikan di estet-estet akan menjemput atau memanggil pusat-pusat judi yang terkenal untuk membuka meja atau ruang perjudian di estet mereka.<sup>38</sup> Tindakan ini diambil oleh para majikan di estet bagi memberi peluang kepada para buruh untuk menjalankan kegiatan perjudian tanpa perlu keluar daripada kawasan estet.

Keuntungan yang banyak hasil daripada kegiatan perjudian telah menyebabkan ramai individu terutamanya golongan Cina menceburkan diri dalam sektor ekonomi tersebut. Oleh hal yang demikian, pengusaha lain cuba untuk mendapatkan konsesi perjudian bersama-sama dengan konsesi lain seperti candu dan arak. Hal ini dapat dikenal pasti bilamana kebanyakan pemajak hasil candu turut mengusahakan perniagaan-perniagaan lain seperti perniagaan arak, perjudian dan kedai pajak gadai serta jelas dapat dilihat melalui individu Goh Tek Sing yang memiliki Syarikat Kaw Hock Joo di kawasan Sandakan dan Kudat mempunyai tender kegiatan perjudian dan pada masa yang sama turut mengusahakan pajak gadai dan penjualan candu pada tahun 1899.<sup>39</sup>

Terdapat juga individu lain yang turut memiliki perniagaan sedemikian, antaranya ialah Neo Chin Ting yang juga merupakan pemajak candu selain daripada menjalankan perusahaan pusat perjudian.<sup>40</sup> Pemilikan pajakan hasil candu, arak, pajak gadai dan perjudian di kawasan Sandakan, bahagian pinggir pantai timur dan wilayah Alcock direkodkan telah dimiliki oleh Syarikat Nam Wah Thai yang memonopoli sektor ini di bahagian yang dinyatakan. Di kawasan kegiatan perjudian, pajak gadai dan candu telah disenaraikan atas nama Goh Yong Soon.<sup>41</sup> Lim Swee Chee dan Lim Swee Cheng yang mana memperoleh tender perjudian, arak dan candu sama seperti syarikat-syarikat lain yang dinyatakan sebelum ini.<sup>42</sup>

## Perundangan

Ordinan aktiviti perjudian dipindah dari masa ke semasa bagi menyesuaikannya dengan perkembangan perjudian di Borneo Utara. Hal ini penting kerana peraturan yang berkesan sangat diperlukan untuk melakukan kawalan terhadap aktiviti ini. Dalam pada itu, ia adalah salah satu kaedah untuk mengawal operasi perjudian di Borneo Utara. Justeru, perundangan adalah penting bagi memastikan pindaan yang dilakukan dari masa ke semasa adalah mengikut keperluan. Semasa pentadbiran BNBC, perundangan yang berkaitan dengan aktiviti perjudian adalah '*Ordinance 1 of 1930*', dalam lampiran yang disediakan ada menyatakan bahawa rumah perjudian yang biasa didefinisikan adalah sebagai sebuah rumah atau tempat yang menjalankan aktiviti pertaruhan atau perjudian yang berkaitan dengan permainan lumba kuda atau apa sahaja perlawan yang melibatkan permainan sukan yang mana memberi kebenaran kepada orang awam untuk turut serta membuat pertaruhan. Menerusi ordinan ini dapat diketahui bahawa loteri merupakan permainan yang melibatkan metode atau alat untuk menyediakan ramalan nombor yang dikeluarkan bagi tujuan perjudian, manakala loteri awam pula merupakan pusat penjualan loteri yang dibuka kepada orang awam untuk membeli tiket loteri.<sup>43</sup> Selain itu, para pengusaha kedai perjudian turut terikat dengan perundangan melalui peraturan-peraturan yang telah ditetapkan untuk mengadakan rumah-rumah perjudian. Antaranya adalah permohonan lesen perjudian dan mendapatkan permit untuk memastikan pusat perjudian yang diusahakan berdaftar di bawah pentadbiran BNBC dan diletakkan dalam pengawasan Pegawai Daerah yang dilantik bagi sesebuah kawasan. Tanpa lesen, pengusaha aktiviti perjudian tidak akan diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan mereka. Undang-undang ini jelas menampakkan cara BNBC untuk mengawal selia aktiviti perjudian yang semakin rancak di Borneo Utara daripada keluar daripada pengawalan mereka.<sup>44</sup>

## KESIMPULAN

Kegiatan perjudian yang dijalankan di Borneo Utara merupakan rentetan daripada tindakan yang dijalankan oleh pihak BNBC yang mana memberi sumbangan yang besar kepada sektor ekonomi dan pertumbuhan pendapatan syarikat terutamanya. Pelaksanaan pelbagai dasar seperti yang dibincangkan dalam dapatan kajian ini jelas memperlihatkan bahawa pihak BNBC mengadakan bentuk-bentuk pentadbiran yang diselaraskan bagi memudahkan mereka mengadakan kegiatan perjudian secara sah di Borneo Utara. Peluang untuk mengadakan kegiatan perjudian secara meluas diyakinkan dengan kehadiran para imigrasi dari China yang gemar dengan aktiviti tersebut. Malahan, pihak BNBC turut mengadakan jemputan kepada mana-mana individu yang

ingin menjalankan dan mengusahakan aktiviti perjudian dengan tender yang lebih lama jangka masanya. Dalam pada itu, pengenalan kepada undang-undang dalam mengawal selia aktiviti perjudian ini turut dilaksanakan bagi mengelakkan daripada aktiviti ini berada di luar kawalan BNBC. Pengeluaran lesen untuk menjalankan perusahaan tempat perjudian merupakan langkah untuk BNBC memastikan aktiviti perjudian ini tidak dilakukan secara tidak sah di Borneo Utara. Hal ini dijalankan agar BNBC tetap menerima keuntungan dan aktiviti secara tidak sah dapat dibendung. Oleh itu, segala dasar perjudian yang dilaksanakan oleh BNBC mempunyai satu tujuan yang nyata, iaitu untuk mengaut keuntungan daripada aktiviti perjudian yang berlaku di Borneo Utara.

## NOTA

- <sup>1</sup> Danny Tze-Ken Wong, *Historical Sabah: Community and Society, Volume 2*, Borneo: Natural History Publications, 2004, hlm. 99.
- <sup>2</sup> Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of its History, Resources, and Native Tribes*, London: Constable and Co. Ltd, 1922, hlm. 323.
- <sup>3</sup> *Ibid.*
- <sup>4</sup> Cecilia Leong, *op cit.*, hlm. 14.
- <sup>5</sup> Goh Eih Chin, *op cit.*, hlm. 30.
- <sup>6</sup> Han Sin Fong, *The Chinese in Sabah East Malaysia*, Taipei: The Orient Cultural Service, 1975, hlm. 39.
- <sup>7</sup> *Ibid.*
- <sup>8</sup> *Ibid.*
- <sup>9</sup> Pihak British mendapati bahawa Borneo Utara masih belum mencapai tahap mampun berpemerintahan sendiri, malah mengalami masalah kekurangan buruh lalu menggalakkan kemasukan buruh yang ramai terutamanya dari Negara China.
- <sup>10</sup> Goh Eih Chin, *op cit.*, hlm. 2.
- <sup>11</sup> K. G. Tregonning, *op cit.*, hlm. 144.
- <sup>12</sup> Danny Wong Tze-Ken, *Chinese Migration to Sabah before the World War*, dlm Archipel 58, Vol. III, 1999, hlm. 136. Untuk keterangan lanjut, rujuk Danny Wong Tze-Ken, *The Transformation of An Immigrant Society*, 1998, hlm. 14-18.
- <sup>13</sup> Danny Wong Tze-Ken, *op cit.*, hlm. 137.
- <sup>14</sup> *British North Borneo Official Gazette*, 2 September 1906.
- <sup>15</sup> Danny Wong Tze-Ken, *Chinese Migration to Sabah before the World War*, dlm Archipel 58, Vol. III, 1999, hlm. 140.
- <sup>16</sup> Danny Wong Tze-Ken, *op cit.*, hlm. 140.
- <sup>17</sup> Han Sin Fong, *op cit.*, hlm. 38.
- <sup>18</sup> Danny Wong Tze-Ken, *op cit.*, hlm. 140.
- <sup>19</sup> K. G. Tregonning, *op cit.*, hlm. 144.
- <sup>20</sup> Masyarakat Cina dikatakan mendominasi sektor ekonomi berdasarkan kegiatan seperti perjudian, pajak gadai dan menjual candu serta arak di kebanyakan tempat di Borneo Utara. Untuk keterangan lanjut, rujuk Goh Eih Chin, *op cit.*, hlm. 98.
- <sup>21</sup> Han Sin Fong, *op cit.*, hlm. 38.
- <sup>22</sup> Buruh Cina turut diikat dengan kontrak sehingga tamat tempoh perjanjian. Pengikatan buruh-buruh ini terhadap kontrak yang disediakan secara tidak langsung mengehadkan kebebasan mereka sama ada dari segi peribadi maupun kegiatan sosial.
- <sup>23</sup> Goh Eih Chin, *op cit.*, hlm. 29.
- <sup>24</sup> Maureen de Silva, *op cit.*, hlm. 213.

<sup>25</sup> Cecilia Leong, *op cit.*, hlm. 49.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm 214.

<sup>27</sup> Maureen de Silva, *op cit.*, hlm. 214.

<sup>28</sup> Maureen de Silva, *op cit.*, hlm. 213.

<sup>29</sup> Kedai pajak gadai disediakan bagi memberi kemudahan kepada para buruh yang ingin membuat sebarang pinjaman bagi mendapatkan barang keperluan harian di kedai berhampiran. Bayaran gaji dalam bentuk token menyebabkan nilainya hanya diterima pakai dalam estet tertentu sahaja. Sistem pembelian barang keperluan harian hanya merangkumi token tertentu sahaja bagi memastikan pembelian barang dalam kalangan para buruh berterusan. Token tersebut hanya sah dan laku di estet berkenaan menyebabkan para buruh tidak boleh mendapatkan barang keperluan di luar kawasan estet. Token tersebut tidak bernilai sekiranya terdapat buruh yang cuba mlarikan diri.

<sup>30</sup> Maureen de Silva, *op cit.*, hlm. 217.

<sup>31</sup> G. McT. Kahin, *op cit.*, hlm. 53.

<sup>32</sup> Bayaran kontrak tender tahun 1923 bagi *Wah Weh Lottery* sahaja. *Administration Report*, 1923, hlm. 2.

<sup>33</sup> State of British North Borneo, *Farmers Contract*, 1928, hlm. 2.

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Maureen de Silva, *op cit.*, hlm. 218.

<sup>37</sup> *Administration Report*, 1923.

<sup>38</sup> Maureen de Silva, *op cit.*, hlm. 218.

<sup>39</sup> *British North Borneo Herald*, 1 Februari 1899, hlm. 46.

<sup>40</sup> "Government Notification-No 10", *States of North Borneo, Official Gazette*, 1 Februari 1890.

Dlm. Danny Wong Tze-Ken, *op cit.*, hlm 40, *Notification No. 9, State of North Borneo, Official Gazette*, 1 Februari 1889.

<sup>41</sup> *Notification No. 7, States of North Borneo, Official Gazette*, 31 Disember 1904.

<sup>42</sup> *British North Borneo Herald*, 16 Disember 1908, "Revenue Farms, 1911", *States of North Borneo, Official Gazette*, 2 November 1910.

<sup>43</sup> *Administration Report*, 1923.

<sup>44</sup> *Ordinance 1 of 1930*, 2 Ogos 1930, hlm. 866, G.N. 273/33.

## RUJUKAN

### Sumber Awalan

*Administration Report*, 1923.

*British North Borneo Herald* 1899.

*British North Borneo Herald* 1910.

G.N. 273/33, *Ordinance 1 of 1930*.

State of British North Borneo, *Farmers Contract*. 1928.

*State of North Borneo, Official Gazette*. *Notification No. 9. 1889*.

*States of North Borneo, Official Gazette*. "Government Notification-No 10". 1890.

*States of North Borneo, Official Gazette*, *Notification No. 7. 1904*.

*States of North Borneo, Official Gazette*. 1906.

*States of North Borneo, Official Gazette*. 1910.

### **Buku**

- Han Sing Fong. 1975. *The Chinese in Sabah East Malaysia*. Taipei: The Orient Cultural Service.
- Kahin, McT. G. 1947. The State of North Borneo, 1881-1946. *The Far Eastern Quarterly*. Vol. 7. No. 1.
- Leong, C. 1982. Sabah: The first 100 years. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda.
- Rutter, O. 1922. *British North Borneo: An Account of Its History, Resources, and Native Tribes*. London: Constable & Company Limited.
- Tregonning, K. G. 1958. *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*. Singapore: University of Malaya Press.
- Wong Tze-Ken, Danny. 1998. *The Transformation of an Immigrant Society: A Study of The Chinese of Sabah*. London: Asean Academic Press.
- Wong Tze-Ken, Danny. 1999. *Chinese Migration to Sabah before the Second World War*. Archipel 58. Vol. III.
- Wong Tze-Ken, Danny. 2004. *Historical Sabah: Community and Society, Volume 2*. Borneo: Natural Publications.

### **Tesis**

- De Silva, M. 2009. *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo, 1914-1932*. London: University of London.
- Goh Eih Chin. 2001. *Candu dan Masyarakat di Sabah: 1881-1941*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.